

## **PENGGUNAAN TADOKU SEBAGAI SATU MEDIUM PENDIDIKAN NILAI BUDAYA MASYARAKAT JEPUN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Zeety Kartini Abdul Hamid  
*zeetykartini@gmail.com*

Nurazwani Bt Zakaria  
*nurazwani@uum.edu.my*

Norzaliza Haji Ghazali  
*zaliza@uum.edu.my*

Nurul Imtiaz Abd Gani  
*nurulimtiaz@uum.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia*

### **ABSTRAK**

Membaca jambatan ilmu, satu ungkapan yang tidak dapat dinafikan kebenarannya. Membaca bukan sahaja dapat meluangkan masa dengan pekara yang berfaedah, ia juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kita. Pelbagai kaedah pengajaran yang telah digunakan untuk memastikan kursus Bahasa Jepun memenuhi kehendak pasaran. Kursus Bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia telah menggunakan salah satu kaedah iaitu kaedah *Tadoku*. Kaedah *tadoku* ini telah diterapkan oleh pengajar Bahasa Jepun kerana pelajar bukan sahaja dapat mempelajari Bahasa Jepun, pada masa yang sama dapat mempelajari nilai-nilai budaya dan gaya hidup masyarakat Jepun melalui bahan bacaan yang dibaca. Kajian ini dilakukan untuk melihat apakah nilai-nilai budaya yang terdapat dalam buku *tadoku* ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan 5 buku *tadoku* yang telah dipilih iaitu *Anata he no mittsu no onegai* (あなたへのみっつのおねがい), *Kongouzan* (金剛山), *Fushigidana* (ふしぎだな)、*Sumimasen* (すみません) dan *Shibainu Dina chan, aki no Kyouto he iku* (柴犬デイナーちゃん、秋の京都へ行く) untuk melihat adab dan gaya hidup masyarakat Jepun yang diadaptasikan dalam buku-buku ini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa nilai-nilai budaya Jepun seperti cinta kepada kecantikan, alam semulajadi dan kesantunan berbahasa. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan *tadoku* dapat menambahkan ilmu pengetahuan bukan sekadar Bahasa Jepun, malah budaya masyarakat Jepun.

***Kata kunci:*** *Tadoku, buku tadoku, budaya Jepun*

## PENGENALAN

Tabiat membaca adalah satu tabiat yang cemerlang kerana melalui membaca kita dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menambahkan pengetahuan tentang dunia dan kehidupan. Malah dengan ilmu pengetahuan yang luas dapat menjadikan kita sebagai warga yang berilmu dan berketerampilan seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dengan membaca, seseorang dapat meneroka pelbagai ilmu yang dapat dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan kerana bangsa membaca bangsa berjaya. Bangsa yang bertamadun merupakan bangsa yang mengamalkan budaya membaca.

Bahan-bahan bacaan yang baik dapat membantu menambahkan perbendaharaan kata yang dimiliki. Hal ini kerana dengan membaca, kita akan dapat menemukan pelbagai jenis perkataan baharu. Selain itu, seseorang individu yang rajin membaca juga dapat menguasai sesuatu bahasa dengan mudah. Penguasaan perbendaharaan kata mampu menjadikan seseorang itu berkeyakinan untuk bertutur dengan baik. Sehubungan itu, artikel ini melihat bahan bacaan seperti *Tadoku* yang dapat membantu para pelajar mempelajari bahasa Jepun dan dalam pada masa yang sama dapat meningkatkan pemahaman budaya. Bahasa berfungsi sebagai alat untuk mengekspresikan budaya dan juga sebagai alat untuk menyampaikan gagasan pemikiran sesebuah masyarakat. Bahasa juga berkait rapat dengan konteks dan situasi masyarakat penuturnya. Cook-Gumpers (2007, hlm. 13) menyatakan bahawa perbezaan interpretasi pada komunikasi dua budaya yang berbeza, tidak hanya disebabkan oleh faktor semantik dan tatabahasa, tetapi juga oleh faktor situasi sosial. Dengan erti kata lain, seseorang yang mempelajari bahasa, secara tidak langsung harus memahami budaya masyarakat penuturnya. Kecekapan berbahasa terutama dalam pembelajaran bahasa asing, bukan sahaja fasih dalam penggunaan bahasa yang dipelajari tetapi juga pemahaman terhadap budaya bahasa yang dipelajari juga sangat penting. Menurut Byran (1991), pembelajaran bahasa asing juga perlu memiliki kompetensi dalam komunikasi silang budaya (*Intercultural communicative competence*). Oleh yang demikian, bahasa dan budaya adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Seperti yang dinyatakan oleh Ernst Cassirer (1994), bahasa bukan sekadar rangkaian kata penyambung makna, tetapi bahasa adalah media untuk memahami gejala-gejala sosial, ekspresi-ekspresi budaya dan juga alat untuk hidup bersama dengan yang lain.

Pembelajaran bahasa asing di universiti kini menjadi salah satu keperluan utama untuk meningkatkan kemahiran pelajar. Di Universiti Utara Malaysia antara kursus bahasa yang ditawarkan ialah bahasa Mandarin, Jepun, Sepanyol, Arab, Perancis dan Jerman selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pembelajaran bahasa ini mempunyai beberapa peringkat kesukaran iaitu tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Dalam pembelajaran bahasa, terutama bahasa asing, penerapan elemen budaya agak sukar dilakukan apabila, pembelajaran perlu mengutamakan tatabahasa terutama kepada pembelajaran peringkat asas. Cabaran ini telah dihadapi sendiri oleh salah seorang penyelidik untuk pengajaran bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia. Pembelajaran budaya dilakukan bukan dalam pembelajaran bahasa Jepun tetapi dilakukan dalam aktiviti program budaya yang terasing dari pembelajaran bahasa di dalam kelas. Setelah penyelidik menghadiri, Program *Tadoku* anjuran *Japan Foundation* Kuala Lumpur, yang memberi kefahaman berkaitan penggunaan Kaedah *Tadoku* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun, penyelidik merasakan penggunaan Kaedah *Tadoku* dapat membantu pelajar mempelajari bahasa Jepun secara mudah dan berkesan dan pada masa yang sama dapat memahami budaya Jepun. Justeru, tenaga pengajar bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia telah menerapkan kaedah pembacaan yang dikenali sebagai Kaedah *Tadoku* dalam pembelajaran bahasa Jepun dalam

kalangan mahasiswa yang mengambil kursus ini. Secara tidak langsung, mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mudah dan menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun.

Dalam Bahasa Jepun, 'Ta' bermaksud banyak, dan 'doku' pula bermaksud membaca. Kaedah *Tadoku* ini adalah salah satu kaedah di mana pelajar perlu membaca buku-buku yang mudah dalam jumlah yang banyak. Buku yang mudah ini dipilih oleh tenaga pengajar bagi memudahkan pelajar yang masih di peringkat asas bahasa Jepun untuk memahami kandungan buku dan pelajar dapat menikmati kandungan buku yang dibaca. Apabila bermula dengan buku yang mudah dan senang dibaca, pelajar mula membina minat untuk membaca lebih banyak buku. Setelah itu, pelajar dibawa ke tahap yang lebih tinggi selangkah demi selangkah. *Tadoku* juga membantu meningkatkan kemahiran bertutur, mendengar dan menulis.

Hasil daripada penggunaan Kaedah *Tadoku* ini, memungkinkan pelajar untuk memahami buku bahasa Jepun tanpa perlu menterjemahkannya. Selain itu, Kaedah *Tadoku* dalam pembelajaran bahasa Jepun ini, pelajar perlu mematuhi empat peraturan utama *Tadoku* iaitu:

- ① Mulai dari awal
- ② Jangan gunakan kamus anda
- ③ Lewati kata dan frasa yang sukar
- ④ Semasa membaca menjadi sukar, berhenti dari buku dan ambil yang lain

Pelajar perlu memulakan pembacaan pada tahap yang paling mudah, dan kemudian ke tahap yang seterusnya. Buku *Tadoku* boleh dipilih mengikut citarasa pelajar sendiri. Pelajar juga boleh memilih buku *Tadoku* mengikut tahap kerana buku- buku *Tadoku* bermula dari tahap 0 sehingga ke tahap 6. Melalui Kaedah *Tadoku* ini, pelajar tidak perlu menghabiskan bacaan buku yang dipilih sekiranya didapati kandungan buku membosankan atau buku yang dipilih itu terlalu sukar.

*Tadoku* telah mendapat tempat sebagai kaedah yang popular di seluruh Jepun (Takase, 2010a), dan juga di seluruh dunia. Ini adalah salah satu cara yang paling berkesan untuk memotivasi pelajar membaca, meningkatkan kebolehan membaca dan meningkatkan penguasaan bahasa (Zeety dan Azwani, 2019). *Tadoku* pula diperkenalkan di Malaysia secara rasmi setelah *Japan Foundation* Kuala Lumpur mengadakan satu bengkel iaitu bengkel 日本語教育のための「多読(TADOKU – Extensive Reading For Japanese Language) pada 23 Mac 2019. Bengkel ini telah dihadiri oleh pengajar-pengajar Bahasa Jepun dari Malaysia. Setelah itu, *Japan Foundation* Kuala Lumpur telah mengadakan beberapa siri bengkel *Tadoku* di Kuala Lumpur. Di Malaysia, Kaedah *Tadoku* untuk pengajaran bahasa Jepun agak lewat diperkenalkan berbanding negara lain. Meskipun begitu, dalam pengajaran bahasa Inggeris, Kaedah *Tadoku* ini, atau dikenali sebagai Bacaan Ekstensif telah lama dipraktikkan oleh pengajar Bahasa Inggeris. Berbanding dengan Kaedah *Tadoku* yang mempunyai 4 aturan, Kaedah Bacaan Ekstensif ini pula mempunyai sepuluh aturan yang dikenali sebagai sepuluh prinsip teratas untuk mengajar bacaan ekstensif yang diperkenalkan oleh Day & Bamford (2002).

Di Universiti Utara Malaysia, Kaedah *Tadoku* digunakan dalam kursus bahasa Jepun sebagai bahasa asing di tahap asas bermula pada tahun 2019. Kaedah *Tadoku* dijalankan selama 30 minit sebelum kelas bermula sepanjang semester pengajian. Kelas bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia ini mempunyai dua kali perjumpaan seminggu selama sejam tiga puluh minit. Pengkaji mendapati pelajar yang mengikuti Kaedah *Tadoku* ini lebih memahami penggunaan tatabahasa yang dipelajari kerana pelajar sentiasa menghubungkan dengan tatabahasa yang

dibaca dalam buku *tadoku*. *Tadoku* mengesyorkan semua pembaca untuk memulakan dengan buku-buku yang sangat mudah dan menyeronokkan serta bermaklumat.

Buku *Tadoku* selalunya mengandungi banyak gambar yang menarik dan ada juga yang mempunyai rakaman audio. Ini kerana *Tadoku* bukan hanya untuk mereka yang sudah mempunyai asas bahasa Jepun, tetapi ini juga boleh digunakan untuk mereka yang tidak mempunyai asas bahasa Jepun. Pelajar yang tidak mengenali dan membaca tulisan Jepun juga boleh menikmati bahan bacaan *Tadoku*. Ini kerana terdapat juga buku *Tadoku* yang memuatkan CD audio dan pelajar boleh menggunakan CD audio semasa membaca. Asas kepada program *Tadoku* adalah pelajar perlu menikmatinya dan terdapat banyak bahan maklumat dan mesej yang berguna sehingga anda ingin terus membaca. *Tadoku* ini dijalankan di kelas Bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia bukan sahaja untuk pelajar yang mempelajari bahasa Jepun akan menjadi lebih mahir dan lebih baik dalam menulis, membaca dan bertutur, namun pelajar dapat meningkatkan lagi pemahaman ke atas budaya Jepun dan nilai-nilai yang terdapat dalam budaya Jepun. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat nilai-nilai bahasa dan budaya yang terdapat dalam *tadoku*.

## Metodologi

Dalam kajian ini, lima buah buku *tadoku* telah dipilih iaitu:

1. *Anata he no mittsu no onegai*(あなたへのみっつのおねがい),
2. *Kongouzan*(金剛山),
3. *Fushigidana*(ふしぎだな),
4. *Sumimasen*(すみません),
5. *Shibainu Dina chan, aki no Kyouto he iku* (柴犬ディナちゃん、秋の京都へ行く)

Buku-buku *Tadoku* ini adalah antara buku yang telah digunakan dalam kelas bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia untuk bacaan para pelajar. Buku-buku *Tadoku* ini adalah dari tahap 0 sehingga tahap tiga. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti setiap maklumat yang ada dalam lima buah buku *Tadoku* ini dengan memfokuskan kepada adab/nilai budaya dan gaya hidup masyarakat Jepun yang terdapat dalam buku-buku ini. Selain itu, pengkaji juga menganalisis gambar-gambar yang ada kerana buku yang dikaji ini adalah buku *tadoku* peringkat asas yang lebih memfokuskan gambar berbanding ayat.




Rajah 1: *Anata he no mittsu no onegai* (あなたへのみっつのおねがい)

Buku *tadoku* ini mempunyai 18 halaman bercetak. Penulisnya bernama Tanaka Tetsuya. Buku ini menceritakan tentang tiga permintaan penulis yang disuarakan kepada pembaca secara santai. Permintaan pertama ialah supaya kita keluar dari rumah dan berjalan ketika hujan turun sambil mendengar bunyi hujan. Permintaan kedua adalah untuk pembaca melihat awan dan langit ketika hari cerah. Penulis melakarkan warna langit dan awan yang sangat menarik untuk dihayati oleh pembaca. Permintaan ketiga pula adalah untuk pembaca duduk menikmati teh semasa hari mendung. Di Jepun, teh merupakan minuman kegemaran, dan masyarakat sentiasa menikmati teh yang panas di kerusi yang selesa dan menikmatinya bersama teman. Secara tidak langsung, buku ini mambawa mesej agar kehidupan perlu sentiasa dihargai selagi nyawa di kandung badan.



Rajah 2: *Kongouzan* (金剛山)

Buku ini ditulis oleh Toda Yoshiko mempunyai 12 halaman bercetak. Buku ini menceritakan pengalaman penulis mendaki gunung, iaitu gunung *Kongou* yang terletak di antara Osaka dan Nara. Buku ini menceritakan pengalaman penulis memulakan pendakian dan peristiwa yang berlaku sepanjang perjalanan mendaki gunung Kougou. Dalam buku ini juga penulis berkongsi ilmu pendakian gunung seperti sentiasa menghargai alam sekitar dengan menjaga kebersihan sepanjang pendakian. Selain itu, membuat persediaan yang rapi sebelum memulakan pendakian dengan mencari maklumat berkaitan gunung tersebut. Penulis juga berkongsi dengan pembaca, tentang keindahan gunung ganang yang terdapat di sekeliling seperti flora dan fauna. Kehijauan yang terdapat di kawasan gunung mampu memberi ketenangan kepada pendaki. Penulis juga berkongsi tentang juadah yang dinikmati ketika pendakian.




Rajah 3: *Fushigidana*(ふしぎだな)

Buku ini ditulis oleh tiga orang penulis yang dikenali sebagai Aya, Gyuu dan Kakko. Buku ini menceritakan keunikan yang terdapat di Jepun melalui kaca mata mereka. Bagi mereka, perkara atau benda yang pelik dan unik di Jepun adalah topeng muka, solekan dan *genkan*. Topeng muka digunakan ketika musim bunga kerana sesetengah orang Jepun alah dengan bunga dan ada juga penggunaan topeng terutama oleh wanita Jepun untuk menutup muka kerana tidak mengenakan solekan. Solekan dianggap pelik oleh penulis kerana wanita Jepun mula menggunakan alat solek seawal sekolah menengah sehingga wanita tua yang berumur dalam lingkungan 80-an. Seterusnya, adalah *genkan*. *Genkan* adalah satu ruangan di pintu masuk setiap rumah di Jepun. Penulis merasa pelik kerana setiap *genkan* mempunyai satu anak tangga sebelum memasuki ruangan rumah.



Rajah 4: *Sumimasen*(すみません)

Buku *Sumimasen* ini mempunyai 10 halaman bercetak. Ditulis oleh Kawamoto Kazuko dan Nakagoshi Naomi dan merupakan sebuah buku komik. Buku ini menceritakan kehidupan seharian seorang pekerja yang bernama Miki dari awal pagi untuk ke tempat kerja sehingga tamat bekerja dan pulang ke rumah. Sepanjang hari itu berlaku beberapa insiden. Buku ini menceritakan setiap insiden yang menyebabkan perkataan *sumimasen* digunakan. Di sini, kita melihat perkataan *sumimasen* yang bermaksud saya minta maaf, amat berguna dalam kehidupan individu di Jepun.



Rajah 5: Shibainu Dina chan, aki no Kyouto he iku  
(柴犬ディナちゃん、秋の京都へ行く)

Buku yang mengandungi 15 halaman bercetak ini ditulis oleh dua orang penulis iaitu Chie dan Dina. Buku ini mengisahkan seekor anjing Shiba yang bernama Dina melancong ke Kyouto dalam musim luruh. Dina berasal dari Rusia datang ke Kyouto untuk pertama kali. Buku ini memperkenalkan kuil yang terkenal di Kyouto seperti Ryouanji dan Kinkakuji, makanan yang terkenal dan juga aktiviti yang boleh dilakukan semasa melancong ke Kyouto, Jepun. Buku ini adalah peringkat 1 dan merupakan buku yang sesuai dibaca bagi seseorang individu yang baru mempelajari bahasa Jepun.

### Dapatan Kajian

Setelah di analisis kandungan setiap buku yang dipilih ini, dapatan yang diperolehi adalah seperti berikut:

Buku Tadoku	Budaya	Nilai budaya
<i>Anata he no mittsu no onegai</i> (あなたへのみつ つのおねがい)	Budaya minum teh	Menghargai keindahan alam dan orang yang dekat dengan kita seperti keluarga dan saudara mara yang terdekat.

<i>Kongouzan</i> (金剛山)	Budaya mendaki gunung	Adab menegur dan memberi salam ketika berjumpa orang yang dikenali ataupun yang tidak dikenali. Menghargai keindahan alam sekitar.
<i>Fushigidana</i> (ふしぎだな)	Budaya bersolek Budaya memakai topeng muka  <i>Genkan</i>	Adab ketika bertemu orang, perlu kekemasan dan penjagaan diri. Penampilan diri amat penting agar keselesaan terjaga ketika berkomunikasi sesama sendiri.  <i>Genkan</i> merupakan satu ruang dimana memisahkan ruangan luar rumah dengan ruangan dalam rumah. Ruangan dalam rumah adalah ruangan yang selesa dan bersantai.  Ruangan luar rumah pula adalah ruangan yang penuh dengan kekotoran fizikal dan mental, maka <i>genkan</i> adalah tempat untuk kita “membersihkan diri” untuk memasuki ruangan keselesaan.
<i>Sumimasen</i> (すみません)	Budaya meminta maaf Kesantunan berbahasa	Orang Jepun yang terkenal dengan kesantunannya yang dapat kita lihat melalui bahasa yang digunakan.  Dalam insiden atau situasi yang tidak menyenangkan berlaku di antara dua pihak, perkataan maaf disematkan kepada orang Jepun untuk dilafazkan bagi mengelak kekegangan berlaku.
<i>Shibainu Dina chan, aki no Kyouto he iku</i> (柴犬ディナちゃん、秋の京都へ行く)	Melancong Berkomunikasi dengan orang Jepun yang baru dikenali.	Memberi informasi bagaimana untuk melawat Kyouto Jepun bagi pelancong yang pertama kali datang. Memberi tips untuk berkomunikasi dengan orang Jepun yang pertama kali kita berjumpa. Memberi saranan aktiviti yang suka dilakukan apabila mereka bertemu dengan kawan.

## Perbincangan

Pada keseluruhannya, penggunaan Kaedah *Tadoku* dalam pembelajaran bahasa Jepun ini sememangnya bukan sahaja mempengaruhi kebolehan dan kemahiran bahasa seseorang pelajar, malah juga memberi kefahaman yang lebih tentang budaya dan nilai budaya masyarakat Jepun. Menurut De Burgh-Hirabe dan Furyok (2013), pelbagai pilihan buku adalah sangat penting dalam *tadoku*. Para pelajar mempunyai pelbagai pilihan berbeza yang berkait rapat dengan tahap



kesukaran dan genre buku yang dipilih. Maka dengan itu, demi mengekalkan motivasi membaca pelajar, mereka seharusnya mempunyai akses terhadap pelbagai jenis rangkaian buku *tadoku* yang besar. Malah melalui kaedah *tadoku* ini, pelajar-pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang amalan tradisi masyarakat sendiri sekiranya buku-buku *Tadoku* yang berlatar belakangkan budaya setempat juga boleh dihasilkan. Seterusnya, daripada kajian ini dicadangkan kajian lanjutan untuk meneruskan penyelidikan dalam usaha menghasilkan buku *Tadoku* dalam bahasa Melayu untuk mengembangkan ilmu pengetahuan bahasa Melayu dan aspek-aspek budaya Melayu di peringkat global pula.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, jelas bahawa bahan bacaan berfungsi sebagai salah satu faktor untuk memotivasikan pelajar membaca secara meluas. Secara tidak langsung, pembaca dapat mempelajari budaya dan nilai budaya sesuatu masyarakat. Dalam kajian ini penggunaan Kaedah *Tadoku* dalam pembelajaran bahasa Jepun mampu meningkatkan pengetahuan pelajar tentang budaya Jepun dan nilai-nilai yang diterapkan dalam budaya masyarakat Jepun. Penggunaan buku *Tadoku* juga didapati meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysia.

## **Rujukan**

- Corrius, M., & Zabalbeascoa, P. (2011). Language Variation in Source Texts and their Translations: The Case of L3 in Film Translation. *Target*, 23, 113-130.
- de Burgh-Hirabe, R., & Feryok, A. (2013). A model of motivation for extensive reading in Japanese as a foreign language. *Reading in a Foreign Language*, 25, 72-93.
- Ro, E. (2016). Exploring teachers' practices and students' perceptions of the extensive reading approach in EAP reading classes. *Journal of English for Academic Purposes*, 22, 32-41.
- Yamashina, M., & Tsurii, C. (2011, August). Relationship between lexical access speed and Extensive Reading and EFL Reading Proficiency extensive reading. Paper presented at the 50th International Conference of Japan Association of College English Teachers, Fukuoka, Japan: Seinan Gakuin University
- Zand, F. (2015). Translation of Hybrid Texts: Translator's Strategies and Ideologies in Translation of 'Funny in Farsi' by Dumas. *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, 2(3), 208-223.

## **Book**

- Ashcroft, B., Griffiths, G., & Tiffin, H. (2002). *The Empire Writes Back: Theory and Practice in Post-colonial Literatures*. (2<sup>nd</sup> ed.). London: Routledge.
- Cronin, M. (2003). *Translation and Globalization*. London: Routledge.
- Day, R., & Bamford, J. (1998). *Extensive reading in the second language classroom*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Takase, A. 2010a. Eigo tadoku tacho shido manual [Teaching Manual for Extensive Reading and Listening]. Tokyo: Taishukan.

### **Chapter in edited book**

- Cavagnoli, F. (2014). Translation and Creation in a Postcolonial Context. In S. Bertacco (Ed.), *Language and Translation in Postcolonial Literatures: Multilingual Contexts, Translational Texts* (pp. 165-179). London: Routledge.
- House, J. (2011). Global and Intercultural Communication. In G. Andersen & K. Aijmer (Eds.), *Pragmatics of Society* (pp. 607-626). Berlin: de Gruyter Mouton.

### **Conference Paper / Proceedings**

- Shahizah Ismail Hamdan. (2008). Science fiction minds and bodies: Reconsidering the borders of human subjectivity. Paper presented at The Novel and Its Borders. A Conference at the Centre for the Novel. Scotland: University of Aberdeen, July.
- Wang, Y. & Le, T. (2011). Teaching, learning and management: A case study of intercultural communication and education. AARE 2006 Conference Proceedings, 27-30 November, Adelaide EJ ISSN 1324-9339 (2007).

### **Thesis**

- Nambiar, R. (2005). Language learning and language use strategies of tertiary learners for academic literacy: Towards a theoretical and pedagogical model of learning. Unpublished Ph.D. thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

### **Website**

- <https://tadoku.org/japanese/free-books/> diakses pada 10hb September 2020
- <https://kansai.jpf.go.jp/clip/yomyom/index.html> diakses pada 10hb September 2020
- <https://www.jfkl.org.my/language/tadoku/malaysiabooks> diakses pada 11 Oktober 2020